

02 AUG 1998

Najib - Singapura

UMNO SIFAT SINGAPURA TIDAK SENSITIF DAN ANGKUH

MELAKA, 2 Ogos (Bernama) -- Umno menyifatkan Kerajaan Singapura sebagai tidak sensitif dan bersikap angkuh kerana memindahkan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar ke Woodlands tanpa mencapai persepakatan terlebih dahulu dengan Malaysia.

Naib presidennya Datuk Seri Najib Tun Razak berkata isu itu seharusnya boleh diselesaikan dengan rundingan atas semangat kejiranan, negara serantau dan anggota ASEAN.

"Nampaknya mereka hanya melihat soal itu semata-mata soal teknikal dan membuat keputusan yang unilateral tanpa mahu melihatnya dalam konteks yang lebih meluas."

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri forum anjuran Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), di sini hari ini.

Beliau berkata Umno menyokong pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan berhubung isu itu.

"Bagi kita soal ini tidak boleh dilihat semata-mata soal teknikal tetapi ia melibatkan konteks dan bentuk hubungan yang lebih luas...isu itu boleh menyebabkan implikasi strategik yang lebih besar," katanya.

Beliau berkata cara terbaik mengelak perbalahan itu berlaku ialah dengan berunding, tetapi Singapura telah terus bertindak dan tindakan mereka boleh ditafsir sebagai tidak sensitif dan angkuh.

Katanya, sepatutnya dua negara jiran yang sama-sama menghadapi gigitan kegawatan ekonomi berusaha mengatasi masalah itu, tetapi Singapura telah memilih masa ini untuk menimbulkan isu.

Singapura telah mengambil tindakan tanpa mengambil kira kesan buruk dan kerugian yang lebih besar yang boleh dihadapi kedua-dua buah negara jika hubungan keruh, katanya.

Dr Mahathir semalam berkata inisiatif untuk menyelesaikan perbalahan berhubung isu itu terletak kepada Singapura dan mereka juga harus dipersalahkan jika berlaku kekeruhan hubungan kerana memulakan perbalahan.

Pada perkembangan lain, Najib berkata pembinaan Politeknik Merlimau yang bernilai RM200 juta dekat sini akan dimulakan tahun ini.

Beliau berkata projek politeknik itu akan diteruskan selepas kementerian memperoleh peruntukan tambahan sejumlah RM870 juta yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bulan lepas.

-- BERNAMA

MOZ RI